

**MASALAH PENGURUSAN DAN KEPERLUAN
SEKOLAH AGAMA RAKYAT(SAR) / KELAS AL-QURAN DAN
FARDU AIN (KAFA) PERSENDIRIAN DI SELANGOR**

Azizi Umar

Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia

Supyan Hussin

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan
Malaysia*

Shaharuddin Pangilun,

Ikmal Zaidi Hashim,

Imran Kamal Basah

Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Mohd. Kamal Radiman

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Abdul Fattah Pardon

Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRACT

This brief article aimed to discuss the problems related to the administrative implementation of SAR/KAFA and to look upon the priority of its needs in sustaining its future growth. The research methodology used was semi-structured interview with headmasters and teachers in selected schools. A total of ten schools were selected representing various predetermined characteristics in order to provide an overview of their variety in Selangor. An early work has shown that the administration of private SAR/KAFA is being run informally according to individual planning without the presence of coordination and supervision by the state level. They are different in terms ownership power, curriculum planning and reward status for teachers. The condition may result negative impact on the future direction of students specifically when they are going into the secondary school

level. Meanwhile, when it comes to teachers, the turnover rate is very high due to poor wages which is below the poverty line.

Hence, the needs of every school differ from one to another. These conditions would pose problems to the state government in ensuring Islamic education objectives run in tandem with the government requirement. The researcher suggested that there is a need for the institutions to be centralized and coordinated by the state government but it is done in a minimal and systematic manner. It is worthy for the state government to establish a category of State-Funded Religious Primary School using systematic School Management Board for community that has high effort level. Meanwhile, a Non Profit Organization (NGO) should be initiated by the state government or local community in helping the development of Islamic education in Selangor especially in areas where the members of the society plays an active role in the system.

Kata Kunci: Pengurusan Pendidikan Islam, Sekolah Agama Rakyat (SAR), Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA), Sekolah Persendirian, Pengurusan Sekolah.

PENDAHULUAN

Sesebuah organisasi ditubuhkan untuk kepentingan sesebuah masyarakat. Ia dikelolakan dengan rapi, disusun dengan baik, diatur dengan sempurna agar setiap orang yang terlibat dapat berhubung dan mengambil tindakan sesama mereka. Lazimnya ia memberikan penekanan kepada peraturan-peraturan struktur rasmi yang diwujudkan antara ahli-ahli organisasi tersebut supaya dapat bekerjasama mencapai sesuatu tujuan (Wan Azmi Ramli 1981). Organisasi menurut perspektif Islam adalah sesuatu yang digalakkan. Bagi melaksanakan perintah Allah di dunia ini, umat Islam seharusnya berorganisasi dengan sempurna.

Firman Allah s.w.t:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًا كَانَتْهُمْ بَيْنًا
مَرُوضًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamaNya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh”.

(As-Saf 61:4)

Organisasi merupakan ciptaan sosial masyarakat yang sangat mustahak dalam dunia moden hari ini. Manusia tidak dapat lari daripada berorganisasi kerana ini adalah alat yang paling sesuai untuk mencapai sesuatu matlamat. Tanpa berorganisasi, manusia tidak mampu memajukan masyarakatnya dan usaha tersebut sudah tentu akan terbantut (Mary Jo Hatch 1997). Apabila seseorang individu atau sekumpulan berada dalam satu hubungan sosial yang formal seperti dalam sebuah organisasi bermakna pengurusan adalah aktiviti utama dalam organisasi tersebut (Ahmad Atory 1996). Sekolah agama juga memerlukan satu sistem pengurusan yang baik bagi memastikan kejayaannya.

1. LATAR BELAKANG MASALAH

Pada asasnya pendidikan Islam merupakan tanggungjawab individu dan masyarakat. Ini bermakna pentadbiran dan pembiayaan pendidikan dalam Islam telah menggabungkan kebaikan antara dua sistem yang berbeza iaitu sentralisasi dan desentralisasi (Ali Mohammad Jubran Salleh 2002). Desentralisasi lebih kepada demokrasi dan kepelbagaian. Bagi penulis, demokrasi telah menjadi asas dalam pentadbiran sesebuah masyarakat Islam. Oleh itu, tanggungjawab pendidikan hendaklah difahami dengan sebaik-baiknya agar tidak menjejaskan pelaksanaannya (Hassan Langgulung 1997). Sekolah Agama Rakyat/Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (SAR/KAFA) Persendirian

adalah sebuah badan yang berfungsi dalam memberikan pendidikan kepada masyarakat. Pada masa sama juga adalah institusi keagamaan yang telah hidup lama sebagai satu tradisi kebudayaan sejak zaman berzaman.

Memandangkan Islam mempunyai panduannya sendiri dalam mencapai falsafah pendidikan, segala pengurusan dan organisasi sama ada yang berbentuk organisasi atau individu mestilah berpandukan kepada sumber utama falsafah tersebut iaitu Al-Qur'an dan Sunnah Nabi s.a.w. Tujuan asas pendidikan ialah menyuburkan akhlak dan tingkah laku manusia. Manakala kedudukan tertinggi seseorang manusia ialah mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan dan mengamalkannya dengan niat yang betul untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t.

Falsafah pendidikan Islam mempunyai watak yang tersendiri kerana bersumberkan wahyu. Ia bersifat terbuka kerana di dalamnya terdapat ruang yang boleh menerima fikiran dan idea manusia dalam mencapai falsafah tersebut (Hassan Langgulung 1991). Tambahan pula, keadaan masyarakat dunia hari ini yang bertambah kompleks dan menekankan pencapaian matlamat berdasarkan rasionaliti, keberkesanan dan kecekapan. Penentuan matlamat organisasi akan membantu organisasi tersebut menuju ke arah yang telah ditetapkan. Kewujudan sekolah agama juga adalah sebahagian daripada keperluan organisasi yang merupakan salah satu mekanisma terbaik bagi mencapai tujuan falsafah pendidikan Islam.

Sejarah pengurusan SAR/KAFA Persendirian di Negeri Selangor mula wujud serentak dengan keperluan masyarakat Islam terhadap pendidikan Islam. Penubuhannya adalah hasil inisiatif daripada masyarakat tempatan yang telah menyedari tentang kepentingan pendidikan Islam untuk anak-anak mereka tanpa bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. Jenis pendidikan dan sekolah Islam yang terdapat di Selangor mempunyai pelbagai bentuk daripada sudut jenis

pemilikan, sistem, peringkat pengajian, kurikulum dan konsep identiti pengajaran tambahan.

Umumnya, sekolah yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri mempunyai dua jenis iaitu Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Sekolah Agama Menengah (SAM) dan Maahad Tahfiz. Kajian ini hanya memfokuskan kepada sekolah peringkat rendah sahaja yang tidak ditadbir oleh kerajaan negeri sebaliknya hasil daripada usaha secara persendirian sama ada persatuan penduduk, jawatankuasa surau, masjid, individu dan syarikat swasta. Pemilihan kategori sekolah ini dikaji bagi melihat pengurusan pendidikan selain daripada pentadbiran negeri.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Kumpulan penyelidikan ini telah menggariskan beberapa objektif kajian ini seperti berikut;

- a. Mengenal pasti persamaan/perbezaan dalam pengurusan SAR/KAFA Persendirian di negeri Selangor daripada sudut pengurusan, sumber manusia dan infrastruktur.
- b. Mengenal pasti bentuk bantuan kerajaan negeri yang diperlukan oleh SAR/KAFA Persendirian.
- c. Mengenal pasti kesediaan pengurusan SAR/KAFA Persendirian membantu hala tuju negeri dalam pendidikan Islam.

3. PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif di atas, penulis telah meletakkan tiga persoalan utama sebagai titik tolak dalam proses pengumpulan data semasa turun di lapangan. Persoalan yang ditetapkan ialah ;

- a. Bagaimanakah kedudukan dan status SAR/KAFA Persendirian daripada sudut pengurusan, sumber manusia dan infrastruktur?
- b. Apakah aspek yang perlu diberikan bantuan oleh negeri dalam membantu pengurusan SAR/KAFA Persendirian tersebut?

- c. Sejauhmanakah kesediaan SAR/KAFA dalam membantu hala tuju pendidikan Islam yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri?

Semua objektif dan persoalan yang dibincangkan adalah dengan hasrat utamanya bagi membantu pelaksanaan Enakmen Negeri yang sudah lama digazetkan oleh kerajaan negeri. Dalam Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1988 (Pindaan) 2001 Seksyen 4(1) ada menyebut:

“Maka adalah menjadi tanggungjawab Pendaftar untuk memastikan dan mengawasi semua sekolah Islam dalam Negeri ditadbir dengan sepatutnya”

Dalam ucapan YAB Menteri Besar Selangor 17 November 2008 di Shah Alam, beliau telah memberikan pengharapan yang tinggi agar Negeri Selangor berpotensi untuk menjadi hub pendidikan Islam di negara ini dan menjadi rujukan pada peringkat antarabangsa pada masa depan. Atas hasrat dan tanggungjawab tersebut, kerajaan negeri perlu memikirkan sesuatu mengenai masa depan SAR/KAFA ini agar seiring dengan institusi pendidikan agama milik negeri dan memberikan keuntungan kepada masyarakat Islam secara berterusan tanpa ada gangguan dan halangan pembangunannya.

Di Selangor, bilangan SAR/KAFA telah mencecah 288 buah sekolah tidak termasuk SRA dan SRAI milik kerajaan negeri sendiri. Status institusi-institusi pendidikan Islam ini secara umumnya adalah di luar bidang kuasa pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri kerana ditubuhkan atas hasrat murni masyarakat tempatan melalui pelbagai mekanisme yang sah menurut perundangan. Jumlah ini tidak termasuk sekolah-sekolah Islam yang diuruskan secara persendirian dan didaftarkan atas nama syarikat atau usaha individu tertentu dengan jumlah 85 buah.

4. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat mustahak kepada beberapa pihak seperti berikut;

a. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) :-

Membantu JAIS dalam membuat polisi, penyelarasan dan pengurusan yang sistematik ke atas sekolah-sekolah persendirian yang sebelum ini berjalan dengan sendiri tanpa keprihatinan daripada JAIS.

b. Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia dan Kerajaan Persekutuan :-

Membantu JAKIM atau Lembaga Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dalam melihat permasalahan yang dihadapi oleh pengurusan negeri dan sekolah dalam menggerakkan Kafa di peringkat bawah.

c. Pihak Pengurusan Sekolah :-

Membantu dan menyelaraskan pengurusan sekolah agar melihat keutamaan dalam kewujudan sekolah tanpa menjejaskan tujuan dan asas penubuhan.

5. BATASAN KAJIAN

Pembatasan kajian ini dibahagikan kepada dua aspek iaitu tahap pengajian dan kurikulum.

a. Dari aspek tahap pengajian, kajian ini tidak mengkaji sekolah pada tahap peringkat menengah. Ini tidak bermaksud kajian menolak sekolah yang menawarkan peringkat menengah pada masa yang sama.

b. Dari aspek kurikulum, kajian tidak membincangkan masalah kurikulum Diniah atau *Al-Azhar* tetapi memberikan fokus kurikulum Kafa pada peringkat rendah sahaja.

6. METODOLOGI

Bagi mencari jawapan kepada persoalan di atas, penulis menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif di mana instrumen soal selidik dan soalan temu bual telah dipilih bagi mendapatkan data. Temu bual ini melibatkan sekolah-sekolah yang terpilih mengikut ciri dan identiti yang telah ditentukan.

Kaedah temu bual yang dilaksanakan hanyalah kepada Ketua Guru dan salah seorang guru yang berpengalaman di sekolah tersebut yang telah ditetapkan kriteria lebih awal. Ia kemudiannya dipilih dan dicadangkan oleh Ketua Guru sekolah tersebut. Antara kriteria guru yang ditetapkan ialah :-

- a. Tidak terlibat dengan kuasa pentadbiran di sekolah.
- b. Guru yang berpengalaman dalam kerjayanya sebagai seorang guru.
- c. Guru berkenaan telah mengajar di sekolah agama ini minima 3 tahun.

Sehingga setakat ini, sebanyak 10 buah sekolah telah dipilih berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan dan mewakili semua sekolah yang ada di seluruh negeri Selangor. Ciri-ciri yang ditetapkan adalah seperti berikut;

- S1 SAR/KAFA Milik Badan Bukan Kerajaan (Surau)
- S2 SAR/KAFA Milik Badan Bukan Kerajaan (Masjid)
- S3 SAR/KAFA Milik Badan Bukan Kerajaan
- S4 SAR/KAFA Milik Swasta (saham NGO) & banyak cawangan
- S5 SAR/KAFA Milik Swasta (individu)
- S6 SAR/KAFA Milik Dermawan (Individu) dan diurus oleh masyarakat
- S7 SAR/KAFA Milik Persatuan Penduduk (kawasan luar bandar)
- S8 SAR/KAFA yang dinaikkan taraf Menjadi SRA

S9 SAR/KAFA Milik Swasta dan ada pengajaran kurikulum kebangsaan

S10 SAR/KAFA Milik Masyarakat yang ada kurikulum kebangsaan

7. PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

7.1 Definisi SAR/KAFA Persendirian

Istilah SAR/KAFA Persendirian dalam kertas kerja ini mungkin akan mengelirukan pembaca dalam memahami maksud yang sebenar. Dengan lain perkataan, SAR/KAFA yang dimaksudkan ialah mana-mana sekolah agama Islam yang tidak ditadbir sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri seperti Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) dan Sekolah Rendah Agama (SRA). Bagi memudahkan pemahaman tentang definisi SAR/KAFA Persendirian dengan lebih terperinci, penulis mengemukakannya dalam tiga perspektif iaitu perspektif kurikulum, perspektif jenis pemilikan dan perspektif pentadbiran negeri. Dari perspektif kurikulum, semua sekolah ini pada umumnya adalah terdiri daripada sekolah rendah dan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sekolah yang tidak menawarkan kurikulum kebangsaan (S1-S8) dan sekolah yang menawarkan kurikulum kebangsaan (S9-10).

Bagi sekolah yang mempunyai kurikulum kebangsaan (S9-S10), hanya mempunyai dua kategori sahaja sama ada milik swasta atau pun milik masyarakat setempat. Milik Badan Bukan Kerajaan adalah sebahagian daripada peranan masyarakat setempat. Bagi sekolah yang tidak mempunyai kurikulum kebangsaan, terdapat empat kategori iaitu milik surau atau masjid (S1, S2), persatuan penduduk atau masyarakat setempat (S3, S6, S7, S10) milik syarikat dan milik individu (S4, S5, S9). Dari perspektif pentadbiran negeri pula hanya sekolah yang dikenali sebagai KAFA Integrasi yang ditadbir oleh surau, masjid, persatuan penduduk atau masyarakat setempat sahaja dianggap

sebahagian diuruskan oleh negeri. Bagaimanapun pengurusan tersebut hanyalah dalam bentuk bantuan elaun kepada guru dan bantuan per kapita (S1, S2, S7, S8).

Dalam artikel ini pengkategorian sekolah bantuan kerajaan seperti KAFA Integrasi sebagai sekolah persendirian kerana turut tidak ditadbir sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Biasanya nama SAR dipanggil bagi sekolah ini kerana mempunyai tapak tanah dan bangunan untuk mengadakan sesi pengajian murid (S3, S8). Manakala KAFA pula pengajiannya diadakan di rumah-rumah kediaman dan kedai pejabat yang disewakan. Bagaimanapun, ia bukanlah mutlak kerana terdapat juga KAFA yang mempunyai tapak tanah dan bangunan sendiri. Begitu juga SAR/KAFA Persendirian yang sebenarnya dikenali sebagai Sekolah Rendah Islam Swasta (SRIS atau SIS) (S4, S5) Biasanya SRIS mempunyai pelajaran akademik dan pengajiannya yang berangkai dengan peringkat menengah. Bagi SRIS yang sudah maju mempunyai tapak tanah yang luas seperti sekolah aliran kebangsaan yang lain, sama ada yang dibeli atau yang didermakan oleh dermawan (S9, S10).

7.2 Jenis Pemilikan Dan Kuasa Pentadbiran Sekolah

Berdasarkan kutipan data SAR/KAFA Persendirian, penulis boleh membahagikan kepada dua bentuk pentadbiran iaitu pentadbiran oleh badan bukan kerajaan atau masyarakat setempat dan pentadbiran syarikat persendirian. Di tengah-tengah dua jenis pentadbiran tersebut terdapat NGO dan beberapa individu secara bersama membentuk syarikat persendirian melalui saham yang dipegang dalam sesebuah syarikat yang ditubuhkan (S4). Namun bilangan jenis pentadbiran yang ketiga adalah sedikit sahaja.

Dari sudut pentadbiran, sekolah jenis NGO menggunakan Lembaga Tadbir Sekolah sebagai pihak yang tertinggi dalam menentukan polisi ke atas sekolah. Biasanya ahli anggota lembaga ini

adalah terdiri daripada golongan yang berpendidikan, profesional dan korporat yang mempunyai cita-cita dan hasrat yang satu iaitu pendidikan Islam untuk anak-anak (S4, S9).

Bagi sekolah yang diuruskan secara persendirian tidak mempunyai hubungan langsung dengan pihak berkuasa kerajaan negeri sesuai dengan kuasa pemilikannya. Walaupun daya inisiatif yang diambil telah banyak membantu dan meringankan bebanan kerajaan negeri tetapi tanpa adanya satu perancangan pentadbiran penyelarasan yang sempurna, akan boleh mengundang kepada masalah daripada sudut unjuran, keperluan dan perancangan masa depan. Sebagai contoh, apabila murid menamatkan alam persekolahan di peringkat rendah, mereka berdepan dengan masalah untuk melanjutkan pelajaran di peringkat menengah sehingga ada sekolah yang tidak membenarkan aliran sekolah persendirian masuk ke sekolah kerajaan (S9).

Lebih menyedihkan lagi apabila kerajaan negeri sendiri tidak mampu menyatukan sekolah-sekolah persendirian yang ditadbir oleh Jawatankuasa Masjid & Surau walaupun pada asasnya adalah berada di bawah satu bumbung di bawah pentadbiran kerajaan yang sama (S1, S2, S7). Bezanya ialah sekolah tersebut masih terikat dengan pentadbiran khas oleh Jawatankuasa Surau. Keadaan ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri mentadbir 'dua jenis' sekolah secara berasingan. Kenapa keadaan ini berlaku? Adakah ia menimbulkan masalah? atau strategi terbaik untuk melebarkan lagi pendidikan Islam di Selangor. Kerajaan harus berterima kasih kepada pihak swasta apabila (S4) mempunyai lebih daripada satu buah di mana sebuah syarikat yang berdaftar telah mengendalikan banyak cawangan sekolah yang ditubuhkan sehingga 24 buah hanya di satu kawasan daerah. Cuba bayangkan, bagaimana jika pihak swasta atau masyarakat prihatin ini berjaya melaksanakannya di setiap daerah di Selangor. Tidakkah ringannya bebanan negeri yang tidak perlu bersusah payah mewujudkan SRA? Berikan inisiatif dan galakan yang sewajarnya.

7.3 Pengurusan Nama Dan Kekeliruan Identiti Kepada Awam

Satu perkara awal yang perlu diteliti ialah tentang nama dan pengkategorian sekolah yang diberikan oleh jabatan. Terdapat kekeliruan dalam penggunaan nama ke atas sekolah dan ia boleh membawa kepada pemahaman ibu bapa dalam memilih perkhidmatan pendidikan terbaik untuk anak-anak. Sebagai contoh KAFA Integrasi; istilah KAFA yang bermaksud KAFA Integrasi sedangkan tidak wujudnya unsur integrasi dalam SAR/KAFA seperti mana maksud integrasi di sekolah-sekolah lain.

Di sekolah-sekolah lain terdapat pengertian integrasi iaitu integrasi kurikulum kebangsaan dengan kurikulum agama. Di SAR/KAFA integrasi yang wujud ialah integrasi kurikulum JAIS dan JAKIM sahaja. Jika keadaan tersebut berlaku, ia tidak dinamakan integrasi kerana kedua-dua kurikulum tersebut adalah kurikulum agama yang hampir sama. Nama yang lebih tepat ialah KAFA Harian Penuh bermaksud kelas KAFA yang diwujudkan setiap hari untuk setiap murid mengikut sesi pengajian murid. Bagaimanapun, tidak salah juga dikatakan integrasi kerana semua murid yang belajar di SAR/KAFA NGO atau Surau adalah murid aliran kebangsaan mengikut sesi yang diambil. Bagi SAR milik swasta dan persendirian, ia mempunyai kurikulum tersendiri malah kurikulum kebangsaan turut diajar (S9, S10).

Terdapat sekolah Islam swasta dan masyarakat setempat yang menawarkan kurikulum kebangsaan tetapi tidak dikenali sebagai sekolah integrasi (S9). Sekolah SRI atau Sekolah Rendah Islam yang ditadbir oleh masyarakat setempat, ada yang mempunyai sistem integrasi walaupun tidak dikenali sebagai integrasi. Kebanyakan sekolah SRI milik swasta dan individu pula memainkan peranan seperti KAFA Integrasi tetapi tidak mendapat bantuan seperti KAFAl terutama sekolah yang diusahakan oleh masyarakat (S5).

7.4 Masalah Asas Penubuhan

Apabila memulakan perbincangan dengan falsafah pendidikan, perkara yang lebih mustahak ialah bagaimana perhubungan kurikulum disepadukan antara ilmu-ilmu yang dipelajari seperti di SRAI. Kesungguhan dan komitmen untuk membangunkan KAFA atau SRI tanpa kurikulum kebangsaan secara serentak, gabung selang-seli atau integrasi, pembangunan pemikiran murid dalam konteks murid tidak akan ke mana. Hal ini adalah kerana KAFA atau KAFAI hanya berperanan mengisi ruang kosong masa murid (S1-S8). Oleh sebab itu, apakah betul jika kumpulan ini mengatakan KAFA seumpama 'baby sitter' bagi membantu masalah ibu bapa yang bekerja sehingga petang mengikut budaya hari ini atau kegagalan kerajaan dalam melaksanakan sistem satu sesi persekolahan atau benar-benar mahu memberikan pendidikan Islam terbaik kepada anak-anak. Bagaimana dengan ibu bapa yang tidak menghantar anak mereka ke sekolah KAFA? KAFA adalah pilihan dan tidak wajib kepada mereka.

Dalam hal ini, tujuan dan matlamat kewujudan sekolah sudah berbeza atau tidak sama walaupun ada sedikit persamaan matlamat di hujungnya. Konflik yang tidak disengajakan ini turut memberikan kesan kepada dasar dan polisi kerajaan negeri dalam memberikan pendidikan Islam kepada rakyat Selangor. Penulis berkeyakinan penubuhan SRAI adalah jauh lebih mustahak berbanding dengan SRA, KAFA atau seumpamanya walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran terutama kewangan. Apatah lagi penubuhan pada peringkat menengah yang mempunyai sistem integrasi.

Usaha penubuhan dan kesungguhan seharusnya berasaskan kepada tujuan untuk mencapai matlamat pendidikan Islam. Al-Abrashi (1967) mengatakan murid-murid disediakan untuk menjalani hidup dengan penuh tanggungjawab ke arah pembentukan sahsiah. Al-Attas (1979) pula menyebutkan perlunya murid memperbaiki diri dalam menjalani hidup di dunia ini. Ini diakui oleh Al-Ghazali (t.th.) di mana perlunya

murid dididik agar menjauhi perbuatan keji. Berasaskan kepada ketiga-tiga pendapat di atas, ia telah menjadi asas kepada masyarakat Islam untuk membangunkan institusi pendidikan Islam kepada ummah.

7.5 Kemudahan Infrastruktur Dan Lokasi

Di Selangor, banyak SAR/KAFA yang diwujudkan dengan menyewa rumah, menggunakan ruang kelas di sebelah masjid/surau atau tanah yang didermakan oleh masyarakat (S1, S2, S4, S5, S7). Keadaan ini menjadikan SAR/KAFA bukanlah sebuah sekolah dalam erti kata sebenar menurut Akta Pendidikan. Keadaan ini sudah tentu akan menyukarkan proses mengarusperdanakan sistem pendidikan Islam di peringkat nasional pada masa depan. Pengkaji tidak menafikan terdapat SAR/KAFA yang dilihat seperti sebuah sekolah seperti mempunyai bangunan dan lokasinya lebih baik sedikit daripada yang lain tetapi bangunannya agak kecil dan bilangan kelas sangat terhad.

Berdasarkan data daripada sekolah-sekolah di atas, sekolah yang memperkenalkan kurikulum kebangsaan seperti (S9) dan (S10) memerlukan satu kawasan yang luas. Jika kedai pejabat digunakan dalam proses pembelajarannya, ia sudah tentu memerlukan unit dan blok yang besar. Sebaliknya bagi sekolah yang tidak mempunyai kurikulum kebangsaan seperti (S1-S8), tidak memerlukan lokasi yang luas kerana memadai dengan rumah kediaman sahaja termasuk juga melalui usaha pembinaan bangunan kecil di tepi surau dan bangunan yang biasanya tidak memerlukan kos yang tinggi. Kos tapak tanah tidak perlu kerana telah memanfaatkan kawasan surau yang masih kosong. Lokasi tapak tanah yang besar bagi sekolah masyarakat setempat biasanya adalah disebabkan sumbangan derma daripada individu yang sangat dermawan dan memahami keperluan pendidikan Islam. Ia dianggap satu pengorbanan yang sangat tinggi. Jika tiada dermawan, hanya kerajaan yang boleh menyediakan kemudahan infrastruktur kepada sekolah tersebut. Jika tiada bantuan daripada dua pihak tersebut,

sekolah tersebut akan berdepan dengan masalah lokasi dan kemudahan bangunan yang selesa. Ini dapat dibuktikan apabila (S7) hanya mempunyai dua bangunan kecil dan melaksanakan pengajaran 6 kelas dengan menggunakan 4 bilik darjah.

Implikasi rumah kediaman atau kedai pejabat pula, ia menjadi keutamaan bagi pihak swasta kerana ia lebih murah kos pengurusannya. Manakala masyarakat setempat memanfaatkan surau dan masjid. Penggunaan rumah kediaman biasanya berdepan dengan masalah kelulusan pendaftaran kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan seperti bomba dan kesihatan (S4, S5). Kecenderungan menggunakan rumah kediaman sudah lama demi kepentingan pendidikan Islam untuk anak-anak.

Masalah penggunaan ruang tapak tanah surau atau masjid pula timbul apabila surau dan masjid memerlukan kawasan yang selesa untuk pembesaran ahli kariah untuk keperluan jemaah (S1, S2, S7). Bagaimanapun, hal ini boleh diatasi dengan pembinaan surau lain yang berdekatan. Memanfaatkan surau atau masjid adalah suatu yang bijak dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak. Apakah ini akan mengembalikan peranan asal masjid yang dimainkan pada zaman Rasulullah dan selepasnya? Jika benar, apa salahnya masjid dan surau yang berpotensi daripada segi lokasinya bukan hanya memperkenalkan agama tetapi akademik sekali. Masjid Tawarkan Kurikulum Kebangsaan! Walaupun ganjil, tetapi itulah strategi membuka minda masyarakat Islam yang sudah lama dihanyutkan oleh pengaruh sekular. Menurut Rosnani Hashim (2004), timbulnya sekularisme dalam pendidikan berpunca daripada penyakit 'dualisme' yang sudah lama berakar umbi di negara-negara umat Islam. Surau hanya untuk pengajaran agama, manakala pengajaran akademik hendaklah pergi ke sekolah. Pada pandangan penulis, kita telah memecah sebahagian 'minda dualisme' ini di sekolah, pecahkan sekali lagi di masjid pula.

Oleh sebab itulah, bagi sekolah swasta yang cemerlang seperti (S9), mereka sangat mengharapkan bantuan daripada kerajaan daripada sudut pembelian dan pemajakan tanah yang lebih ‘mesra pendidikan’. Pihak swasta yang dibentuk hasil daripada pertubuhan NGO yang besar mungkin mampu merancang mendapatkan tapak tanah yang sesuai seperti mana sekolah-sekolah yang lain tetapi bagi yang mengusahakan secara individu atau beberapa kelompok individu, cabaran membangunkan pendidikan Islam di negara Islam sendiri, adalah sesuatu yang memeritkan. Satu lagi perkara yang menarik dalam perbincangan ini ialah kecenderungan pihak masyarakat setempat sama ada surau atau masjid yang tidak mempunyai tenaga yang kuat bagi menggerakkan sekolah, telah menswastakan pengurusan sekolah kepada pihak swasta (S4). Masjid dan surau hanya menyediakan tempat sahaja. Itu pun pembinaan sekolah yang didermakan oleh dermawan. Usaha ini bolehlah digelar program ‘penswastaan’.

7.6 Pengurusan Sekolah

Masalah kewangan di SAR/KAFA bukanlah perkara baru kerana ia sudah lama dihipit oleh masalah kewangan. Keadaan terbukti apabila terdapat SAR/KAFA yang menyediakan guru secara sepenuh masa bagi mengurangkan bebanan kewangan seperti mana (S3). Berdasarkan perbincangan di atas, apakah perlu penulis mengatakan bahawa sekolah-sekolah ini adalah dikategorikan di bawah ‘swasta berkebakikan’? Lembaga Pengarah yang wujud pun tidak merasakan keuntungan sebagaimana keuntungan dalam perniagaan yang lain. Pada pandangan penulis, prosedur swasta adalah satu jalan tengah, mudah dan berkesan dalam menguruskan sekolah agama Islam yang sangat rumit. Ini dibuktikan apabila (S4) telah menukar pengurusannya daripada urusan NGO kepada pengurusan swasta.

7.7 Pengurusan Sumber Manusia

Secara umumnya kadar lantik henti di sekolah-sekolah dalam semua kategori ialah antara 15% hingga 30% tanpa mengira swasta atau masyarakat setempat. Ia bergantung pada bayaran yang diberikan oleh pihak sekolah. Dalam hal ini, penulis melihat perpindahan guru berlaku kerana bayaran yang tidak sepadan dengan keperluan diri dan keluarga (S1-S10). Kecenderungan untuk menaikkan elaun oleh satu pihak akan memberikan kesan kepada pihak yang lain tanpa mengira bantuan elaun kerajaan atau swasta. Punca berlakunya pemberhentian ini ialah peluang kerjaya yang lebih baik. Bagaimanapun, dalam kajian ini yang memberikan fokus kepada guru yang berpengalaman sebagai salah seorang responden mendapati kebanyakan guru bersedia untuk berkorban tetapi pengorbanan tersebut mempunyai tahap yang bergantung pada individu masing-masing (S4). Pemberhentian juga berlaku pada peringkat awal pekerjaan tetapi tidak dan jarang berlaku bagi guru yang sudah lama berkhidmat.

Dalam konteks pembangunan kerjaya seseorang guru, itu adalah suatu yang lumrah bagi mana-mana guru yang baik. Persoalannya ialah hanya sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang mampu menyediakan peluang kerjaya tersebut dengan sempurna. Pihak sekolah bukan tidak berhasrat tetapi kemampuan yang ada sangat terbatas. Pada pandangan penulis, masalah kerjaya bukan setakat berlaku kepada sekolah malah institusi-institusi pengajian tinggi swasta yang lain kerana melibatkan polisi dan dasar sesebuah kerajaan terhadap sumber manusia. Dalam konteks Malaysia, dasar sumber manusia dalam hal ehwal pendidikan tidak wujud kerana bergantung kepada pihak swasta itu sendiri untuk merekrut pekerja-pekerjanya sedangkan dalam hal ehwal sumber manusia bagi pendidikan swasta perkara ini sukar dilakukan.

Pengurusan sumber manusia khususnya guru dapat dilihat bergantung kepada kedudukan kewangan. Sekiranya kewangan kukuh,

pihak sekolah melantik guru sekolah tersebut tetapi bayaran atau gaji yang diterima tidaklah setanding dengan sekolah aliran kebangsaan yang lain. Oleh sebab itulah, kajian mendapati berlakunya kadar lantik henti yang tinggi di sekolah persendirian. Pihak sekolah tidak mampu untuk menyekat penghijrahan guru kerana kadar yang diberikan adalah kadar yang sesuai dengan kedudukan kewangan sekolah. Sekolah tidak pernah mengaut keuntungan daripada operasi sekolah walaupun ditadbir dan ditubuhkan oleh pihak swasta. Malah usaha mewujudkan sekolah persendirian atas dasar keprihatinan dan pengorbanan demi masa depan pendidikan anak-anak khususnya pendidikan Islam yang gagal dipenuhi oleh pihak kerajaan.

7.8 Keperluan Yang Lebih Utama

Sistem pentadbiran dan pemilikan yang berbeza seperti mana yang dibincangkan di atas turut memberikan pengaruh dalam melihat keperluan kepada setiap sekolah. Bagi meringkaskan perbincangan mengenai keperluan ini, penulis membahagikan kepada empat kelompok berdasarkan jenis pemilikan dan kurikulum sekolah;

- a. SAR/KAFA yang diusahakan oleh surau, masjid, persatuan penduduk atau masyarakat tempatan dan muridnya tidak mengambil kurikulum kebangsaan. (S1, S2, S3, S6, S7, S8)
- b. SAR/KAFA yang diusahakan oleh syarikat persendirian dan individu dan muridnya tidak mengambil kurikulum kebangsaan (S4, S6)
- c. SAR/KAFA yang diusahakan oleh syarikat persendirian dan muridnya ialah murid yang mengambil kurikulum kebangsaan di sekolah aliran kebangsaan (S9)
- d. SAR/KAFA yang diusahakan oleh NGO dan masyarakat setempat dan muridnya turut mengambil kurikulum kebangsaan di sekolah tersebut secara integrasi. (S10)

Kelompok pertama sangat memerlukan bantuan daripada kerajaan negeri dalam aspek gaji sumber manusia khususnya dalam aspek guru. Status gaji guru yang tidak memberangsangkan menyebabkan berlakunya kadar lantik henti yang tinggi di sekolah tersebut. Selain itu, pihak sekolah turut berdepan dengan masalah menyediakan latihan perguruan kepada guru-guru supaya mempunyai kemahiran pengajaran yang moden.

Kelompok ini juga mempunyai perjalanan kurikulum yang pelbagai sama ada dari JAIS atau JAKIM atau kedua-duanya sekali. Menariknya mana-mana sekolah yang menerima pakai kurikulum JAKIM, boleh mendapatkan bantuan perkapita daripada JAKIM dengan kadar 60.00 bagi setiap murid tetapi tidak mendapat sebarang bantuan daripada JAIS walaupun menerima pakai kurikulum JAIS.

Kelompok kedua juga sangat banyak wujud. Kebanyakannya adalah di kawasan yang daya usaha masyarakatnya yang tinggi seperti kawasan orang-orang yang berilmu dan sedar tentang kepentingan pendidikan Islam. Ini boleh dimainkan dengan berkesan oleh pihak swasta atau individu. Kelompok ini biasanya memerlukan bantuan tambahan yang lain seperti latihan perguruan dan bantuan pengurusan.

Kelompok yang ketiga, kategori sekolah ini tidak banyak di Selangor kerana memerlukan kedudukan ekonomi yang kukuh bagi individu yang mahu mengusahakannya. Tanpa dana kewangan yang banyak, tidak mungkin sekolah tersebut dapat dibangunkan. Penetapan kadar yuran tinggi adalah sesuai buat sementara untuk menguruskan sekolah. Bagaimanapun, sekolah ini juga memerlukan bantuan daripada kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan daripada sudut peluang pengajian masa depan murid dan lokasi tapak tanah yang murah dan berpatutan untuk melebarkan lagi sistem pengajiannya. Pada masa yang sama mereka juga memerlukan sokongan perhubungan dengan sekolah-sekolah yang lain bagi membolehkan mereka bersama-sama dengan murid-murid dalam aliran persekolahan yang lain seperti kemudahan

dalam penglibatan kokurikulum. Selain itu, kemudahan asas yang diterima oleh murid-murid di sekolah lain juga seharusnya dapat dimanfaatkan oleh sekolah swasta kerana semuanya adalah rakyat Selangor.

Kelompok ini terlalu sedikit kerana kosnya sama seperti di atas. Oleh sebab pihak yang mewujudkan sekolah tidak menggunakan pengurusan swasta, bermakna kebajikan adalah jalan penyelesaiannya. Mereka yang terlibat biasanya terdiri daripada mereka yang sanggup berkorban demi anak-anak dan masyarakat setempat. Pada pandangan penulis, mereka inilah antara kelompok yang ikhlas dan menyaingi kumpulan-kumpulan awal seperti tuan-tuan guru pondok dalam perjuangan pendidikan Islam. Mereka hanya berbekalkan pengorbanan dan keikhlasan. Kerajaan sangat wajar membantu mereka walaupun mereka mengenakan yuran ke atas murid. Yuran yang dikenakan adalah sangat berpatutan demi kelangsungan pendidikan sekolah tersebut.

7.9 Pengurusan Kurikulum

Terdapat tiga jenis kurikulum yang diamalkan di sekolah iaitu kurikulum JAIS, JAKIM dan kurikulum sekolah. Umumnya hampir keseluruhan sekolah menggunakan dua kurikulum iaitu JAIS dan JAKIM tidak termasuk kurikulum kebangsaan yang diajar di beberapa buah sekolah (S9, S10). Pemakaian kurikulum JAIS memberi maksud pemakaian kurikulum yang di dalamnya termasuk kurikulum JAKIM. Dua kurikulum memberikan masalah kepada pengajaran guru, peperiksaan yang diwujudkan dan jumlah pembahagian bantuan kewangan kepada sekolah dan guru sedangkan matlamat kurikulum adalah sama. Pandangan guru berbeza antara satu sama lain daripada sudut kesukaran dalam pembawaan pengajaran. Satu penyeragaman perlu difikirkan bagi mengatasi masalah ini

7.10 Sumber-sumber Kewangan

Pemilikan tanah dan bangunan merupakan satu sumber penting dalam pengurusan pendidikan Islam setempat kerana telah banyak membantu kerajaan dalam membangunkan pendidikan Islam khususnya dalam aspek penyediaan kemudahan infrastruktur. Gabungan jalinan antara tanggungjawab sosial swasta dan Ibu bapa telah memainkan peranan penting dalam menyedarkan kerajaan tentang pentingnya pengorbanan dalam pendidikan Islam untuk anak-anak. Manakala bantuan pengurusan yang diberikan kepada sekolah sama ada oleh badan persendirian atau masyarakat setempat tidak diurus dengan bantuan pengurusan yang sistematik dan berterusan. Hal ini adalah kerana ia tidak menjadi tanggungjawab kerajaan.

7.11 Guru Dan Komitmen Dalam Kerjaya

Mengenai status guru, kajian mendapat status guru SAR/KAFA terus kekal menjadi *second class* kerana tidak wujud satu perkhidmatan yang diiktiraf seperti mana di sekolah-sekolah swasta dan kerajaan yang lain. Artikel ini juga membuat beberapa kesimpulan yang dapat diketengahkan seperti berikut;

- a. Guru-guru bersependapat bahawa mereka komited untuk terus kekal di SAR/KAFA (S8);
- b. Guru-guru amat menuntut kepada peralihan skim iaitu daripada elaun kepada gaji (S1, S2, S3, S8);
- c. Guru mengharapkan agar wujud penyelarasan pengurusan sekolah-sekolah KAFA dengan SRA agar mereka mampu memiliki kemudahan pembantu am untuk menguruskan hal-hal pengurusan sekolah. Dengan cara tersebut, guru akan dapat menumpukan kepada P&P yang terpaksa berhadapan dengan dua silibus dan dua peperiksaan (S1, S8, S10).

7.12 Perspektif Ketua Guru Terhadap Sekolah

Penubuhan sekolah KAFA adalah desakan dan keperluan masyarakat tempatan bukan hanya untuk pendidikan Islam tetapi juga masa kosong ke atas anak-anak mereka yang dibimbangi berlakunya gejala sosial. Pada masa yang sama, kerajaan tidak mampu menyediakan tempat dan peluang kepada murid yang telah menyebabkan badan bukan kerajaan dan pihak swasta turut memainkan peranan tersebut untuk menampung desakan dan keperluan tersebut. Sebenarnya penglibatan swasta dan badan NGO dalam pembangunan sekolah tidak membawa kepada sebarang keuntungan sebaliknya ia memerlukan pengorbanan termasuk pengorbanan daripada ibu bapa sendiri (S3, S4, S5, S9).

Setiap sekolah tidak dapat memberikan pendidikan yang sempurna kerana mempunyai masalah yang pelbagai berdasarkan asas penubuhannya. Pengurusan di bawah Jemaah Pengurusan Sekolah pula tidak menunjukkan satu tahap pengurusan yang baik, sempurna dan sistematik. Dari sudut keperluan dan kemampuan pada peringkat menengah, ia bergantung kepada kemampuan pengurusan sekolah dan pengorbanan ibu bapa khususnya dalam aspek pembayaran yuran. Ketiadaan kerjasama baik kedua-dua akan menyebabkan bebanan tanggungjawab terus terpikul ke atas bahu kerajaan (S1, S2, S7, S10).

8. RUMUSAN DAN CADANGAN

- a. Masalah pengurusan SAR/KAFA yang penuh dengan kepelbagaian jenis, bentuk, identiti, lokasi dan sebagainya adalah bukan perkara baru kerana ia sudah lama bertapak sejak sekian lama. Perbezaan ini bertitik tolak daripada pengurusan sekolah yang dibiarkan oleh kerajaan dan menyerahkan sepenuhnya kepada masyarakat setempat tanpa pemantauan dan pengawalan yang sempurna. Jenis pemilikan, lokasi dan penglibatan masyarakat yang berbeza memberi kesan kepada perbezaan kelangsungan dan cabaran pengurusannya. Begitu

juga dengan keperluan bagi jenis dan bentuk sekolah yang ditubuhkan.

- b. Pengurusan nama dan identiti pengkategorian sekolah mudah mengelirukan masyarakat dan ia perlu disusun semula agar istilah yang digunakan tepat dan bersesuaian dengan kewujudannya. Nama integrasi dan bukan integrasi pada sekolah perlu penyusunan semula Mengaktifkan Penstrukturan Jemaah Pengurusan Sekolah seperti mana dalam enakmen.
- c. Masalah pengurusan dan keperluan sekolah sama ada sumber kewangan dan sumber manusia perlu disusun semula agar perjalanan operasinya lebih berkesan khususnya sekolah yang dibina atas daya usaha masyarakat. Skim galakan kepada pengusaha atau individu yang berjaya mewujudkan cawangan yang berbentuk KAFA atau SRI di seluruh negeri Selangor. Masjid dan SAR yang mempunyai dana yang besar boleh membantu kerajaan negeri dalam membangunkan KAFA Integrasi sama ada dengan mentadbir sendiri atau menyerahkan pengurusannya kepada pihak swasta.
- d. Kesungguhan masyarakat dan kerajaan dalam membangunkan sekolah yang sempurna (ada kurikulum kebangsaan & agama) lebih besar kesannya berbanding yang tiada integrasi. Ini berasaskan kepada pendaftaran murid di bawah bumbung pentadbiran negeri. Mewujudkan Sekolah Rendah Agama Bantuan (SRAB) khususnya bagi SRI yang diusahakan oleh masyarakat dan operasinya sama dengan KAFA Integrasi secara sistematik dengan mengutamakan pengurusan Jemaah Pengurusan Sekolah. Satu jawatankuasa khas perlu dibentuk untuk membentuk 'jenama baru' ini. Menggerakkan langkah baru dengan mengharapkan Jawatankuasa Surau atau Masjid yang menjalankan kurikulum kebangsaan seumpama SRAI khususnya bagi masjid yang berkemampuan.

- e. Kerajaan Persekutuan perlu mengambil kira pengorbanan negeri, masyarakat dan syarikat swasta dalam menyediakan pendidikan kepada rakyat khususnya pengajian secara integrasi (termasuk kurikulum kebangsaan) bagi mewujudkan keseimbangan dasar fiskal desentralisasi sesuai dengan semangat persekutuan. Bantuan perlu diberikan kepada pihak swasta dengan syarat-syarat tertentu dan munasabah contoh; menerima pakai kurikulum JAIS, yuran yang dikenakan adalah rendah iaitu bawah RM50 sebulan sebagai contoh. Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM hendaklah mengambil tanggungjawab mengenai pengurusan KAFKA Integrasi dan tidak dibebankan kepada kerajaan negeri semata-mata khususnya dalam aspek latihan perguruan, bantuan pengurusan dan kemudahan infrastruktur. Kerajaan Persekutuan dicadangkan memberikan geran per kapita kepada sekolah persendirian yang menjalankan kurikulum kebangsaan.
- f. Mencadangkan kepada Kerajaan negeri mengutamakan penubuhan SRAI berbanding SRA. SRA diserahkan kepada pihak swasta, NGO, Masjid/surau dan masyarakat setempat. Boleh bina SRA atau naik taraf KAFKA Integrasi kepada SRA tetapi di kawasan luar bandar sahaja. Hal ini kerana Falsafah Pendidikan Islam mudah terbina di SRAI berbanding SRA.
- g. Menggalakkan SAR/KAFKA Persendirian membuka peringkat menengah dengan pengenalan pengajian tahfiz dan MAIS boleh memberikan saham dalam syarikat yang diwujudkan. Skim galakan juga boleh diwujudkan sebagai ganti geran pembangunan negeri. Merancang galakan kepada SAR/KAFKA Persendirian yang berpotensi untuk menawarkan kurikulum kebangsaan secara integrasi. KAFKA Integrasi yang berpotensi dan sesuai boleh dinaikkan taraf sebagai sekolah bantuan terlebih dahulu sebelum dimasukkan sebagai SRA. Jika

mampu, SRA juga boleh dinaik taraf sebagai Sekolah Rendah Agama Integrasi.

Memandangkan kajian ini bersifat kualitatif, pemilihan sekolah dan bilangan sangat terhad dan kajian ini dibuat mengikut had peruntukan yang disediakan. Sampel kajian ini juga hanya melibatkan Ketua Guru dan salah seorang guru sahaja melalui temu bual. Oleh sebab itu, kajian sambungan dan lanjutan sangat diperlukan pada masa akan datang bagi memastikan objektifnya mencapai matlamat sekaligus dapat membantu kerajaan negeri dalam menyusun sekolah agama dengan lebih sempurna.

9. PENUTUP

Kertas kerja ini hanya menjelaskan secara umum mengenai data-data lain yang menjadi objektif kajian ini kerana telah diagihkan kepada beberapa kertas-kertas kerja yang lain dalam seminar ini. Perbincangan mengenai komitmen guru, perspektif Ketua Guru terhadap sekolah, pengurusan kurikulum dan sumber-sumber kewangan serta masalah yang dihadapi, boleh dilihat dalam kertas-kertas kerja yang lain mengenai perkara di atas.

Kajian secara kualitatif ini sangat terbatas kerana peruntukan yang disediakan masih belum mencukupi tambahan pula ia memerlukan masa yang banyak untuk diteliti dengan baik. Tenaga dan idea juga banyak yang perlu dikerahkan bagi memastikan kajian ini benar-benar berkesan dan sempurna. Kajian hanya melihat gambaran kepada perjalanan SAR/KAFA Persendirian, perspektif guru busar atau ketua guru dan melihat sejauh mana komitmen guru yang berpengalaman sahaja. Banyak lagi kajian yang perlu diterokai seperti pandangan ibu bapa, pandangan lembaga tadbir sekolah dan guru-guru lain yang mempunyai pelbagai latar belakang. Namun kajian ini sudah memadai sebagai kajian awal bagi melihat pengurusan dan keperluan asas

sekolah-sekolah yang sudah lama ditubuhkan tanpa bantuan daripada kerajaan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim Abu Sin, Ahmad Ibrahim (1984). *Al-Idarat fi al-Islam*.
Jamhuriyah Abidin: Maktabah Wahbah.
- Ahmad Atory Hussin (1996). *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan
Publication Sdn. Bhd.
- Al-Abrashi, Muhammad °Atiyyah (t.th.) *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa
Falasifatuha*. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiyy.
- Al-Ghazali, (t.th.) *Ihya' °Ulum al-Din*. Dimashq: Maktabah °Abd al-Wakil al-
Darubi.
- Ali Mohammad Jubran Saleh (2002). *Education Administration: An Islamic
Perspective*. Kuala Lumpur : A.S. Noordeen.
- Al-Nahlawi, °Abd al-Rahman. (1996). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa
Asalibuha Fi al-Bayt Wa al-Madrasah Wa al-Mujtama'*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam dan Urusetia LEPAI, JAKIM (2006).
Garis Panduan Pelaksanaan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain KAFA). Putrajaya
- Hassan Langgulung (1997). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: DBP
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (2005). Peraturan Pelaksanaan Sekolah
Agama Rakyat/KAFA Integrasi Negeri Selangor.
- Jabatan Audit Negara Cawangan Selangor (2008). Kajian Audit Terhadap
Pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Shah Alam
- Malaysia. (1996). Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) : hingga 10 September 1996.
- Mary Jo Hatch (1997). *Organization Theory : Modern, Symbolic and Postmodern
Perspectives*. New York : Oxford University Press.
- Rosnani Hashim (2004). *Educational Dualism In Malaysia: Implications For Theory
and Practice*. Kuala Lumpur: The Others Press
- Selangor (2001). Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Islam Tahun 1988
- Temubual Ketua Guru & Guru S1 hingga S10 pada bulan September 2010 hingga
Oktober 2010.